



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Analisis Kepimpinan Biografi Tokoh Wanita Muslimah dalam Kontekstual Semasa

Siti Zafrina Mohd Zahari^{1*}, Norhapizah Mohd Burhan²,
Nurul Hidayah Che Hassan³, Zulkefli Mohamad⁴

^{1,2,4}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia

zafrina@pahang.uitm.edu.my, izahuaum@pahang.uitm.edu.my, zulke999@pahang.uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia

nurulhidayah@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Wanita merupakan golongan yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dalam menyumbangkan kemajuan untuk pembangunan negara. Sumbangan golongan wanita boleh dilihat dalam pelbagai aspek seperti sosial, politik, ekonomi, pendidikan, kepimpinan dan sebagainya. Ketokohan wanita khususnya wanita Muslimah dalam aspek kepimpinan kian terserlah bermula zaman Rasulullah SAW sehingga zaman kini. Penulisan kertas kerja ini bertujuan menganalisis biografi tokoh wanita Muslimah zaman Rasulullah SAW dan zaman kini dalam aspek kepimpinan khususnya dalam sesebuah organisasi. Kaedah kajian secara kualitatif digunakan dengan melakukan analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati pemimpin wanita Muslimah hari ini mempunyai kriteria yang seharusnya wujud dalam aspek kepimpinan seperti mempunyai keyakinan, bijak membuat keputusan, dan bertanggungjawab pada tugas dan rumahtangga. Namun aspek kepimpinan kerohanian yang melibatkan aspek *hablu-minallah* boleh diperkemas agar kepimpinan wanita mempunyai keseimbangan secara holistik sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada wanita yang terlibat sebagai pemimpin agar dapat menseimbangkan tanggungjawab kepimpinan di dalam organisasi dan tanggungjawab kepimpinan sebagai seorang wanita Muslimah.

Kata Kunci: Organisasi, Kepimpinan, Wanita Muslimah

1. Pendahuluan

Kepimpinan merupakan suatu sifat semulajadi dalam diri manusia. Menurut Kamus Dewan Bahasa, kepimpinan diambil dari perkataan pimpin yang bermaksud keupayaan memimpin (Noresah Baharom, 2002). Sifat kepimpinan ini membawa maksud yang tersendiri kerana ianya bukan tertumpu pada yang berjawatan sahaja tetapi selagi individu tersebut memiliki keupayaan memimpin, maka sewajarnya digelar sebagai pemimpin. Rasulullah SAW bersabda (Shaharom, T., S., 1997):

Maksudnya:

“Tiap-tiap seorang daripada kamu adalah pemimpin. Justeru itu kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang diletak di bawah pimpinan kamu. Ketua negara adalah bertanggungjawab dari hal rakyatnya. Ketua keluarga adalah pemimpin kepada keluarganya dan akan ditanya dari hal kepimpinannya, wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan ia bertanggungjawab terhadap segala perkara yang diletak di bawah jagaannya, khadam (pembantu rumah) adalah pemimpin atau pengawal. Justeru itu ia adalah bertanggungjawab menjaga harta tuannya, dan ia kan ditanya dari hal-hal benda-benda yang diletak di bawah jagaannya. Justeru itu, kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang diletak di bawah pimpinan kamu.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Wanita dan kepimpinan juga sering kali diperbahaskan dalam pelbagai situasi terutama yang menyentuh aspek kepimpinan wanita di dalam organisasi. Islam melihat wanita mempunyai kelayakan untuk menjadi pemimpin kerana Islam meletakkan setiap manusia diciptakan sebagai 'abid dan khalifah tanpa sebarang perbezaan dari segi gender. Namun, terdapat perbezaan pandangan ulama dalam hal ini tentang sejauh mana kedudukan wanita sekiranya terlibat dalam kepimpinan organisasi, adakah wanita dibenarkan menjadi pemimpin utama dalam organisasi dan sejauh mana batas-batas yang perlu dipatuhi oleh setiap pemimpin wanita Muslimah. Wanita Muslimah zaman Rasulullah SAW merupakan golongan yang memiliki peranan tersendiri dalam segala aspek sama ada melibatkan urusan peribadi, keluarga mahupun masyarakat. Sejarah telah mengungkap kisah-kisah wanita Muslimah zaman Rasulullah SAW yang terdiri daripada golongan: (a) ahl bait (ahli keluarga Rasulullah SAW), (b) mempunyai hubungan rapat dengan Rasulullah SAW (ibu susuan, pengasuh), (c) isteri sahabat-sahabat Rasulullah SAW, (d) peserta bai'ah (ikrar taat setia), (e) berhijrah (ke Madinah, Habsyah), (f) pejuang peperangan, (g) lain-lain (perawat di medan perang, perawi hadis). Kertas kerja ini akan menganalisis perbandingan biografi tokoh kepimpinan wanita Muslimah pada zaman tradisional dan kontemporari.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan bagi mengkaji biografi tokoh wanita Muslimah Zaman Rasulullah SAW dan biografi tokoh wanita Muslimah zaman kontemporari. Fokus kajian ini dinilai dan dianalisa melalui buku dan artikel yang membincangkan tentang kepimpinan wanita Muslimah zaman Rasulullah dan zaman kontemporari. Antara rujukan yang dirujuk ialah Ummu Urwah (1987), Shaharom (1997), Mahmud Mahdi & Musthafa Abu Nashr (2009) dan Mohammad Mahtab (2014).

Kepimpinan Wanita Muslimah Zaman Rasulullah SAW

Kertas kerja ini hanya menumpukan tiga biografi wanita Muslimah yang boleh dijadikan perbandingan dalam aspek kepimpinan dengan wanita Muslimah masa kini. Tiga tokoh wanita Muslimah tersebut adalah:

a) Khadijah binti Khuwailid

Latar belakang

Nama sebenar ialah Khadijah binti Khuwailid ibn Asad ibn 'Abd al l'Uzza ibn Qusay ibn Kilab. Beliau dilahirkan pada tahun 68 sebelum Hijrah iaitu 15 tahun sebelum Tahun Gajah (Munif, A., 2008). Beliau digelar At-Thahirah (wanita yang suci) pada masa sebelum kenabian Rasulullah SAW (Nurul Aina, 2014). Beliau juga merupakan wanita pertama yang menjadi isteri Rasulullah SAW dan wanita pertama yang beriman kepada Allah SWT dan rasulNya.

Kisah kepimpinan

Khadijah binti Khuwailid adalah seorang yang kaya dan berasal dari golongan terhormat di Mekah. Beliau mewarisi harta dan perniagaan atau perdagangan daripada kedua bekas suaminya (Abu Halah bin Zurarah at-Tamimi dan Atiq bin Aidz) dan terkenal dengan sifatnya yang cekap dan tegas (Mahmud Mahdi, M. I. & Musthafa Abu Nashr, 2009). Beliau mempunyai pekerja dan agennya sendiri di Mekah yang bekerja untuknya atau untuk diri mereka sendiri. Sebahagian modal akan diserahkan kepada pengusaha dan keuntungan yang diperolehi dibahagikan antara pemodal dan pengusaha.

Pertemuan Khadijah dengan Rasulullah SAW berlaku apabila Khuzaimah (anak saudara lelaki Khadijah) mencadangkan agar dipelawa baginda untuk bekerja dengannya kerana melihat

akhlak Rasulullah SAW yang amanah, jujur, ikhlas sewaktu berniaga bersama-sama baginda sebelum ini. Rombongan perdagangan ke Syria ini disertai oleh hamba Khadijah iaitu Maisarah. Ternyata dengan kemuliaan akhlak Rasulullah SAW, maka kesemua barangan dagangan yang dibawanya habis dijual. Khadijah amat berpuas hati dengan hasil perniagaan itu dan mengambil keputusan menaikkan gaji baginda. Beberapa bulan kemudian, Khadijah menaikkan pangkat Rasulullah SAW kepada jawatan pengurus bagi kafilah perniagaannya beserta tanggungjawab tambahan (Ummu Urwah, 1987).

b) Asma' binti Yazid al-Ansariyah

Latar belakang

Nama sebenar ialah Asma binti Yazid bin As-Sakan bin Rafi bin Umruul Qais bin Abdul Asyhal bin Harits. Beliau merupakan wanita Ansar dari suku Aus al-Asyhaliyyah dan puteri bapa saudara Muadz bin Jabal. Beliau juga dipanggil dengan nama 'Ummu Salamah' Al-Anshariyah. Beliau merupakan ahli hadis, ahli pidato dan digelar 'Pemidato Wanita' (Mohammad Ibrahim, S., 2000) serta antara wanita yang melakukan bai'ah (taat setia) dengan Rasulullah SAW di Aqabah (Mohd Roslan, M. N., & Nor 'Azzah, K., 2011).

Kisah kepimpinan

Perwatakan Asma' yang cerdas, bijak dan taat beragama menyebabkan wanita Madinah melantiknya sebagai wakil mereka untuk menyampaikan pandangan dan pendapat wanita kepada Rasulullah SAW. Ini terbukti melalui kata-kata Asma' (Mohd Roslan, M. N., & Nor 'Azzah, K., 2011):

Maksudnya:

“Sesungguhnya aku adalah utusan kepada kumpulan wanita di belakangku. Mereka semua sependapat denganku.”

Antara pertanyaan Asma' kepada Rasulullah SAW ialah berkenaan tata cara bersuci bagi wanita setelah haid dan kebenaran wanita untuk turut sama berperang.

Beliau juga merupakan wanita pertama yang mencadangkan pertubuhan badan kebajikan bagi kaum wanita yang dinamakan Suffah Wanita (Mohd Roslan, M. N., & Nor 'Azzah, K., 2011). Pertubuhan ini dikhususkan untuk kaum wanita menjalankan aktiviti amal kebajikan dan pengajian agama di Masjid Nabawi. Mengenai pengajian agama, Rasulullah SAW telah menentukan satu hari khusus untuk mengajar mereka ilmu agama hasil permintaan kaum wanita tersebut. Pada zaman Saidina Umar RA, aktiviti ini telah berpindah ke sebuah rumah berikutan kerja-kerja pembesaran masjid.

c) Hindun binti Utbah

Latar belakang

Nama sebenar beliau ialah Hindun binti Utbah bin Rabiah bin Abdu Syams bin Abdu Manaf daripada Bani Umayyah al-Qurasyiyyah. Beliau dilahirkan di Mekah dan merupakan anak kepada pemimpin terkemuka iaitu Utbah bin Rabi'ah dan ibu kepada Muawiyah bin Abi Sufian iaitu pengasas kerajaan Bani Umayyah di Damsyik (Mohammad Mahtab A, 2014). Perwatakan beliau yang fasih berkomunikasi, berani, dan pandai bersyair jelas membuktikan gambaran Muawiyah terhadapnya:

“Sesungguhnya pada zaman jahiliyyah, dia memiliki kedudukan yang tinggi dan pada zaman Islam, dia memiliki kemuliaan yang baik.”

Kisah kepimpinan

Dalam Perang Yarmuk, Hindun memegang jawatan penting bagi barisan tentera kaum musyrik Quraisy yang dipimpin oleh suaminya, Abu Sufyan. Beliau dipercayai menjadi kaunselor dalam membangkitkan semangat perang kepada pasukan lelaki dan menjadi pemimpin kaum wanita. Dia memerintahkan kaum wanita untuk memukul rebana sambil mendendangkan syair yang ditujukan kepada pasukan lelaki. Berikut merupakan bait-bait syair yang ditujukan kepada kaum lelaki:

*Kami adalah puteri yang bintang yang bercahaya
Kami berjalan di atas permaidani nan indah.
Jika kalian berani menghadapi mereka,
Kami pasti akan menyambut kalian dengan mesra.
Jika kalian mundur, kami tidak akan mendekati kalian*

Sumbangan Hindun dalam Perang Yarmuk telah dihuraikan oleh Imam al-Waqidi dalam karyanya *Fatuhusham* yang merupakan antara buku sejarah Islam terawal dan paling terperinci (Mohammad Mahtab A., 2014). Ternyata peranan kaum wanita dalam Perang Yarmuk yang hanya dianggotai seramai 40 ribu pejuang Islam berbanding 200 ribu tentera Rom akhirnya berbaloi kerana Islam berjaya mencapai kegemilangan.

Kepimpinan Wanita Muslimah Zaman Kini

Kepimpinan wanita Muslimah dalam sesebuah organisasi masa kini mempunyai corak tugas yang amat berbeza berbanding pada zaman Rasulullah SAW. Persekitaran dan ruang lingkup kerjaya yang tertentu serta cabaran yang pelbagai memerlukan komitmen yang tinggi dan jiwa yang teguh kerana kejadiannya yang dihiasi dengan emosi dan kekuatan fizikal yang terhad berbanding kaum lelaki. Aspek kepimpinan ini dapat dilihat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, politik dan lain-lain.

Dalam bidang pendidikan, perlantikan Prof. Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan sebagai Naib Canselor UKM dan Datuk Rafiah Salim sebagai mantan Naib Canselor UM memperlihatkan suasana meraihan wanita dalam pembangunan semasa. Manakala dalam bidang kewangan pula, Tan Sri Dato Seri Dr. Ungku Zeti Akhtar Aziz sebagai mantan Gabenor Bank Negara Malaysia dan Datuk Seri Rafidah Aziz mantan Menteri Kewangan Negara telah melakukan suatu tugas yang cukup mencabar kredibiliti seorang wanita. Seterusnya dalam aspek politik, individu seperti Tan Sri Aisyah Ghani, Tan Sri Fatimah Hashim, Ibu Zain dan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil turut sama menggalas tanggungjawab demi negara tercinta.

Adapun skop kepimpinan ini bukan sahaja pada jawatan-jawatan tertinggi negara, tetapi juga melibatkan tugas-tugas seperti ketua jabatan, ketua unit kecil mahupun besar. Beban tugas yang diamanahkan adakalanya terpaksa menggunakan masa santai sama ada untuk peribadi atau bersama keluarga. Ini disebabkan wujud situasi seperti kerja lebih masa apabila terdapat program atau agenda yang perlu dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat, masalah kekurangan pekerja dan sikap sesetengah individu yang tidak efisien dengan tanggungjawab masing-masing.

Perbandingan Biografi Tokoh Wanita Muslimah dalam Kontektual Semasa

Aspek kepimpinan tokoh wanita Muslimah pada zaman Rasulullah SAW dan wanita Muslimah zaman kini memiliki ciri-ciri yang tersendiri. Adapun kehidupan tokoh wanita

Muslimah zaman Rasulullah SAW seperti yang dibincangkan sebelum ini iaitu Khadijah binti Khuwailid, Asma binti Yazid al-Ansariyah dan Hindun binti Utbah mempunyai peribadi yang unggul. Berikut dapat disimpulkan perwatakan yang dimiliki oleh ketiga-tiga tokoh tersebut yang harus dicontohi wanita muslimah kini:

a) Yakin

Sifat ini dapat dilihat pada Khadijah sewaktu melantik Rasulullah SAW sebagai pekerjaannya yang baru. Beliau begitu yakin dengan pendiriannya mengenai kejujuran diri Rasulullah SAW daripada Maisarah. Secara tidak langsung, sikap ini memberi ruang dan peluang pada seseorang untuk memikul tanggungjawab dan tidak meyekat bakat yang ada. Tambahan pula aktiviti perniagaan bukanlah suatu perkara yang boleh diambil ringan kerana risiko yang bakal dihadapi.

Begitu juga dengan Asma' yang mencadangkan pertubuhan badan kebajikan bagi kaum wanita. Pertubuhan tersebut memerlukan tanggungjawab yang berat, namun beliau yakin dengan keputusan itu. Ini dibuktikan lagi apabila beliau dilantik sebagai wakil untuk menyampaikan pandangan dan pendapat wanita kepada Rasulullah SAW.

Kisah Hindun juga dapat dilihat keyakinannya apabila beliau membangkitkan semangat perang kepada pasukan lelaki dalam Perang Yarmuk. Situasi peperangan memerlukan seseorang yang mampu memberi keyakinan kepada pejuang dalam menegakkan agama Islam dan ternyata beliau mampu menggalas tugas tersebut

Sikap ini perlu wujud dalam diri pemimpin wanita Muslimah masa kini yang perlu yakin dengan segala tindak tanduk dan keputusan apabila berada dalam sesuatu organisasi. Walaupun dikelilingi dengan kaum lelaki, setiap masalah pasti ada jalan penyelesaiannya dan seterusnya tawakal kepada Allah SWT.

b) Bijak Membuat Keputusan

Sifat ini terserlah ketika Khadijah membayar upah yang lebih daripada sepatutnya kepada Rasulullah SAW kerana berjaya menghabiskan jualan dalam perniagaan tersebut. Tindakan beliau sememangnya wajar di atas sikap pekerjaannya (Rasulullah SAW) yang telah melakukan tugas dengan baik.

Manakala Asma' juga bijak dalam mencadangkan pertubuhan badan kebajikan wanita yang dapat menjaga kebajikan mereka pada waktu itu. Sekiranya tindakan itu tidak berlaku, berkemungkinan masalah wanita sukar diatasi kerana tiada ruang yang khusus dalam memenuhi keperluan mereka.

Begitu juga dengan Hindun, tindakannya membantu pejuang Islam menghadapi peperangan sangat diperlukan. Walaupun golongan wanita tidak wajib berperang seperti lelaki, namun mereka masih ingin menabur bakti demi agama dengan cara yang dibenarkan syarak.

Oleh yang demikian, sikap ini seharusnya dipraktikkan oleh pemimpin wanita Muslimah masa kini. Walaupun situasinya berlainan dengan masa lalu, namun keputusan yang dilakukan perlu seiring dan sesuai dengan keadaan semasa dan akan datang.

c) Bertanggungjawab pada Tugas dan Rumahtangga

Sifat ini dapat dilihat pada Khadijah sewaktu mengendalikan perniagaannya. Beliau mempunyai pekerja dan agennya sendiri di Mekah yang bekerja untuknya atau untuk diri mereka sendiri. Perniagaannya meliputi luar kota Mekah dan skop tugas pasti akan lebih besar dan berat. Namun, beliau berjaya menguruskan dengan baik tanpa ada masalah yang boleh mengancam perniagaannya. Pada masa yang sama, kehidupannya dengan Rasulullah SAW dan puteri-puteri beliau cukup mengagumkan setiap wanita Muslimah sehingga Rasulullah SAW bersabda (Mahmud Mahdi, M. I. & Musthafa Abu Nashr, 2009):

“Sebaik-baik wanita syurga adalah Maryam binti Imran dan Khadijah binti Khuwailid.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Seterusnya sifat tanggungjawab Asma' yang menubuhkan pertubuhan badan kebajikan bagi kaum wanita untuk menjalankan aktiviti amal kebajikan dan pengajian agama di Madinah. Walaupun tiada panduan yang tepat untuk menguruskan sesebuah organisasi pada zaman Rasulullah SAW, namun beliau mampu menggalas tanggungjawab tersebut tanpa keraguan. Begitu juga sewaktu beliau menjadi wakil bagi persoalan yang timbul di kalangan wanita kepada Rasulullah SAW.

Selain itu, Hindun juga melakukan tugas dengan penuh tanggungjawab apabila memberi semangat perang kepada pasukan lelaki. Beliau juga menjaga keluarganya dengan penuh kasih sayang sehingga Muawiyah menjadi pemimpin yang disegani umat Islam.

Sikap ini perlu diterapkan diri pemimpin wanita Muslimah masa kini kerana amanah yang dipikul amat berat kerana pelbagai cabaran perlu di atasi dan pada masa yang sama, keluarga juga memerlukan perhatian yang sewajarnya. Oleh yang demikian, wanita perlu bijak menyeimbangkan antara kerjaya dan rumahtangga.

Unsur-unsur Kepimpinan Wanita Menurut Islam

Di dalam kajian pengurusan moden, ciri-ciri dan keberkesanan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin adalah berbeza mengikut keadaan dan permasalahan yang dihadapi. Namun, di dalam perspektif Islam pula (Mohd Roslan, M. N., & Siti Zafrina M, Z., 2012), sesuatu kepimpinan harus mempunyai ciri-ciri yang lebih fundamental yang pada dasarnya bergantung ketakwaan kepada Allah SWT.

Unsur-unsur tersebut adalah seperti berikut:

- a) Tidak bercampur gaul tanpa batasan, menjauhkan diri dari keadaan berdua-duaan di tempat sunyi serta menghadkan pertemuan yang tidak menyentuh urusan kerja dengan lelaki bukan mahram
- b) Berpakaian sopan dengan menutup aurat serta tidak berlebihan dalam tabaruj kerana ia adalah untuk pandangan suami sahaja
- c) Mendapat keizinan suami atau wali sebelum memulakan apa-apa perkara lebih-lebih lagi melibatkan urusan di luar rumah agar mudah beroleh keberkatan
- d) Tugas tersebut sesuai dengan tabi'i kewanitaan dan memelihara kehormatannya
- e) Tugas tersebut tidak becangah dengan syarak
- f) Bijak mengurus masa agar wujud keseimbangan di antara tanggungjawab dalam organisasi, rumahtangga, masyarakat dan aktiviti kerohanian

3. Kesimpulan

Penglibatan wanita Muslimah dalam sesebuah organisasi masa kini mengalami tahap yang memberangsangkan. Arus kemodenan yang rancak ternyata menggalakkan wanita khususnya wanita Muslimah turut serta menggembleng tenaga demi pembangunan negara. Adapun cabaran wanita Muslimah pada zaman Rasulullah SAW pasti berbeza jika dibandingkan dengan moden. Namun, cabaran akan wujud tidak mengenal tempat dan masa. Tambahan pula apabila wujud persepsi yang negatif daripada sesetengah pihak berkenaan kepimpinan kaum wanita, maka di situlah bermulanya sikap keraguan, kebimbangan dan tiada perasaan hormat yang akhirnya menyebabkan wanita itu kurang keyakinan diri.

Wanita Muslimah masa kini perlu mencontohi sifat peribadi tokoh-tokoh wanita zaman Rasulullah SAW yang juga merupakan ahli syurga kerana mereka adalah sebaik-baik wanita di dunia dan akhirat. Kesabaran dan ketabahan mereka cukup mengagumkan sesiapa sahaja yang

menghayati kisah hidup mereka. Sesungguhnya setiap amalan baik yang dilakukan sama ada lelaki mahupun wanita akan dinilai oleh Allah SWT, Tuhan sekalian alam.

4. Rujukan

- Mahmud Mahdi, M. I., & Musthafa Abu Nashr S. (2009). *Isteri, Puteri & Sahabat Wanita Seperjuangan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Mohammad Ibrahim, S. (2000). *Wanita-wanita Mulia di dalam kehidupan Rasulullah*. Petaling jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.
- Mohammad Mahtab A. (2014). *Encyclopedia of the Geniuses of Islam: The Lives and History of the Great Muslims Who Cotributed to Make Islam the Great Religion It is Today*. Vol 3. United Kingdom: Koros Press Limited.
- Mohd Roslan, M. N., & Nor ‘Azzah, K. (2011). *Wanita Islam: Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohd Roslan, M. N., & Siti Zafrina M, Z. (2012). Wanita dan Politik Pilihan Raya Menurut Perspektif Al-Quran. *Prosiding The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012* (m.s 358-374). Kuala Lumpur: Centre of Qur’anic Research.
- Munif, A. (2008). *Riwayat Bidadari Syurga*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Noresah Baharom. (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c.7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Aina. (2014). *Bidadari-bidadari Muhammad*. Kuala Lumpur: Green Dome Publications Sdn Bhd.
- Shaharom, T., S. (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves: Thinkers Library.
- Ummu Urwah. (1987). *Isteri-Isteri Rasulullah SAW & Kepahlawanan Wanita Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Patricia, G. Diakses pada 4 November 2016, daripada <http://www.theborneopost.com/2013/09/26/penglibatan-wanita-dalam-kepimpinan-dikaji/>